

PENCEGAHAN JENAYAH DI KAWASAN PERUMAHAN BERKEPADATAN
TINGGI MELALUI REKA BENTUK PERSEKITARAN

Kajian Kes :

Taman Perumahan Awam DBKL Flet Sri Perak, Kuala Lumpur
Taman Perumahan Awam DBKL Flet Sri Selangor, Kuala Lumpur

AZMAN BIN MOHD

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2006

ABSTRAK

Jenayah boleh ditakrifkan sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Masalah jenayah ini telah lama wujud terutamanya di kawasan-kawasan perumahan yang berhampiran dengan bandar-bandar besar. Kewujudan konsep 'Inisiatif Bandar Selamat' berasaskan prinsip '*Pencegahan Adalah Lebih Baik Daripada Penghapusan Jenayah*' dapat meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat. Pendekatan yang digunakan dalam tindakan pencegahan jenayah ini adalah melalui reka bentuk persekitaran yang selamat dengan peluang untuk melakukan jenayah dapat dikurangkan. Oleh itu, kajian ini akan melihat faktor-faktor kelemahan reka bentuk persekitaran yang mendorong kepada berlakunya masalah jenayah di kawasan perumahan berkepadatan tinggi. Dua kawasan perumahan berkepadatan tinggi akan dikaji iaitu Perumahan Awam DBKL Flet Sri Perak dan Perumahan Awam DBKL Flet Sri Selangor. Dalam konteks kajian, reka bentuk persekitaran yang dimaksudkan merangkumi aspek perancangan sosial dan perancangan fizikal. Aspek fizikal merangkumi reka bentuk dan peletakan ruang-ruang sementara aspek sosial pula merangkumi penjanaan aktiviti di kawasan perumahan berkenaan. Masalah jenayah yang kerap berlaku ini juga telah menimbulkan rasa tidak selamat penduduk ke atas kawasan perumahan mereka. Kajian mendapati bahawa, terdapatnya pelbagai kelemahan dari segi reka bentuk persekitaran yang mendorong kepada berlakunya jenayah. Oleh yang demikian, perancangan reka bentuk persekitaran yang teliti perlulah dilakukan bagi menangani masalah jenayah di kawasan perumahan berkepadatan tinggi. Antara cadangan yang dilakukan merangkumi cadangan penstrukturan semula kawasan kajian dalam meningkatkan aktiviti dan tahap keselamatan di samping cadangan dalam memperbaiki dan menambah baik infrastruktur sedia ada dalam meningkatkan keupayaan pengawasan.

ABSTRACT

Crime can be defined as an act or action that violates the decree of law. Crime is an issue that has been existed for many years, especially in the surround urban housing area. However, with the 'initiative safe city' concept, based on the principle of "Prevention better then to cure", it is believed that it can increase a harmonious and comfortable living to the local resident. It is also believed that physical design is the chosen approach to overcome this issue where it will be able to reduce the number of crime activities. Thus, this study will identify the weakness of environment design factor that influence crime problem in high-rise housing. Two high-rise housing areas have been chosen, which are the DBKL Public Housing Flet Sri Perak and DBKL Public Housing Flat Sri Selangor. The contexts of this study are the environment designs that will cover the generating aspect social planning and physical planning. The physical aspect will include the design and space of location where as the social aspect will include the generated activities in the area. The increasing numbers of crime activities cause the local resident feeling vulnerable, threatened and unsafe in neighborhood. The outcome of this shows that there are several kind of weaknesses in the surrounding design that influence increasing number of crime. Based on this finding, it brings a conclusion that the surrounding design is very important and that it should be thoroughly evaluate in order to overcome crime issues in the high-rise housing area. Amongst the suggestion that can be carried out is to restructures the area to create new society activities as well as to increase the sense of safety. As for another suggestion, it is through restoring and improving the existing infrastructure facilities, by which it will helps to increase the ability in monitoring the surrounding area.